

29 SEPTEMBER 2017

Penagih belasah isteri, anak ditahan orang ramai

VIRAL DI FB

Penagih belasah isteri, anak ditahan orang ramai

Sungai Petani: Tindakan seorang lelaki memukul isteri dan anak lelakinya berusia tiga tahun di kawasan Pasar Tani Sungai Petani untuk mendapatkan wang membeli dadah mengundang padah apabila ditahan orang ramai.

Dia kemudian diserahkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kuala Muda susulan kejadian berkenaan, semalam.

Video yang menampilkan lelaki berusia lingkungan 30-an itu memukul isterinya viral di laman Facebook sejak semalam.

Kejadian jam 9.45 pagi itu apabila lelaki berkenaan bertindak merampas beg tangan isterinya sehingga menyebabkan berlaku pergelutan sehing-

ga menarik perhatian ramai. Pengarah AADK Kedah, Mahadzir Elias dalam satu kenyataan semalam, berkata orang ramai yang menyaksikan kejadian itu kemudian menahan suspek sebelum menghubungi AADK.

Pernah ditahan sebelum ini Beliau berkata, siasatan mendapati suspek sebelum ini pernah ditahan beberapa kali akibat pengaruh dadah sehingga bertindak agresif terhadap keluarga.

"Hasil ujian air kencing mendapati suspek positif marijuana dan methamphetamine. Siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Penulihan) 1983," katanya.



[FOTO IHSAN AADK]

Suspek ditahan orang ramai selepas memukul isteri dan anaknya di Pasar Tani Sungai Petani sebelum diserahkan kepada anggota AADK Kuala Muda, semalam.